

Kedudukan Pemikiran al-Ash'ari dan al-Maturidi dalam Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah

The Position of al-Ash'ari and al-Maturidi's Thoughts in the Ahli
Sunnah Waljamaah School

ZAKARIA STAPA

ABSTRAK

Kebelakangan ini terdapat gerakan terancang untuk menafikan kedudukan al-Ash'ari dan al-Maturidi dalam keseluruhan kerangka mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. Hal ini terjadi berpunca daripada pemikiran akidah kedua-dua tokoh besar ini yang dilihat sebagai terlibat dengan penggunaan akal, dan kerana itu mereka dikatakan tergolong ke dalam golongan Mutakallimun yang dikategorikan oleh gerakan ini sebagai terkeluar daripada mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. Sekalipun dalam sejarah pemikiran Islam sudah amat kukuh dan jelas kedudukan kedua-dua tokoh besar ini sebagai tokoh utama Ahli Sunnah Waljamaah, namun gugatan pihak yang berhasrat menafikan kedudukan kedua-dua tokoh tersebut berjalan lancar dengan penerbitan buku-buku yang memuatkan tuduhan-tuduhan liar terhadap kedua-dua mereka yang dilabelkan sebagai Ahli Bid'ah, Ahl al-Ahwa' yang sama taraf dengan golongan al-Jahmiyyah, al-Mu'tazilah, al-Murji'ah, Syiah, al-Karamiyyah, al-Mushabbihah dan lain-lain golongan yang menyeleweng. Sesungguhnya apa yang sebenar berlaku ialah bahawa kedua-dua tokoh besar Ahli Sunnah Waljamaah ini menerima sepenuhnya manhaj golongan Salaf yang berpegang kepada nas dalam hal yang berkaitan dengan akidah; di samping mereka juga menggunakan akal untuk menyokong dan memperkukuhkan nas. Manhaj al-Ash'ari dan al-Maturidi dalam membincangkan persoalan akidah ini adalah satu pendekatan terbaik kerana ia merupakan jalan tengah di antara dua ekstrim: Penggunaan nas sahaja dan penggunaan akal sahaja, yang kedua-duanya mempunyai kelemahan yang tersendiri. Manhaj kedua tokoh besar ini jelas lebih berwibwa dan berautoriti apabila didapati al-Qur'an sendiri mengiktiraf dan menggesa penggunaan akal untuk meneguhkan pegangan akidah; di samping golongan Salaf al-Salih, termasuk al-Sahabah sendiri juga menggunakan akal dalam berhujah mempertahankan pegangan akidah. Oleh itu, gugatan pihak tertentu untuk mempertikaikan kedudukan al-Ash'ari dan al-Maturidi dalam mazhab Ahli Sunnah Waljamaah adalah satu kerja nakal yang tidak berfaedah dan perlu dibenteras.

Kata Kunci: Kedudukan, pemikiran, al-Ash'ari, al-Maturidi, Ahli Sunnah Waljamaah

ABSTRACT

Off late, there has been an organized movement to deny the position of al-Ash'ari and al-Maturidi in the overall framework of the Ahli Sunnah Waljamaah School. This is caused by the thinking of faith of these two great figures which are seen as involving the use of reason, hence being labeled as members of the Mutakallimun group, which is categorized by this movement as not being part of the Ahli Sunnah Waljamaah School. Though the status and position of these two characters as the main figures of the Ahli Sunnah Waljamaah School is evident in the history of Islamic thoughts, threats from certain parties that wish to deny the position of these two figures are smoothly on track, through the publications of books containing accusations against these two great figures; labeling them as Ahl Bid'ah and Ahl al-Ahwa' that are equal with the likes of the al-Jahmiyyah, al-Mu'tazilah, al-Murji'ah, Shiites, al-Karamiyyah, al-Mushabbihah and other classes that have deviated from Islam. In actual fact, these two great figures accept in total the Salaf's method that holds on to the Qur'anic text in matters relating to faith; apart from using their reason to support and strengthen the Qur'anic text. The al-Ash'ari and al-Maturidi method in discussing issues relating to faith is the best approach, as it is a middle ground between two extremes: The use of Qur'anic text alone or the use of the reason alone, that both have their own respective weaknesses. The method of these two great figures is clearly more authoritative as the Qur'an itself acknowledges and promotes the use of the reason to strengthen the faith; apart from the fact that the Salaf al-Salih themselves, including al-Sahabah uses the reason to debate and uphold the faith. Therefore, threats by certain parties that question the position of al-Ash'ari and al-Maturidi in the Ahli Sunnah Waljamaah School are rogue acts which are not beneficial and needs to be eradicated.

Keywords: Position, thoughts, al-Ash'ari, al-Maturidi, Ahli Sunnah Waljamaah

PENDAHULUAN

Kalau dibuka bicara dengan mencatatkan rumusan al-Zubaydi seperti terungkap dalam kitab beliau *Ittihaf al-Sadah al-Mutaqqin bi Sharh Asrar Ihya' 'Ulum al-Din* (t. th: 6): “apabila diungkapkan (istilah) Ahli Sunnah Waljamaah, maka yang dimaksudkan dengan golongan tersebut ialah al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah”. Dan kalau ditambah lagi dengan catatan Tash Kubra Zadah dalam kitab beliau *Miftah al-Sa'adah wa Misbah al-Siyadah* (1329H. ii: 21, 22):

Kemudian ketahuilah bahawa pemuka utama Ahli Sunnah Waljamaah dalam ilmu kalam ialah dua lelaki: Salah seorangnya bermazhab Hanafi dan seorang lagi bermazhab Shafi'i. Adapun yang bermazhab Hanafi tersebut ialah Abu Mansur Muhammad b. Muhammad b. Mahmud al-Maturidi. Dan yang bermazhab al-Shafi'i itu ialah Abu al-Hassan al-Ash'ari al-Basri. Maka ternyata bahawa kedudukan kedua-dua tokoh yang hendak dibicarakan dalam tulisan ini dalam mazhab Ahli Sunnah Waljamaah adalah amat senteral dan jelas sekali.

Walau bagaimanapun, dalam persoalan kedudukan kedua-dua tokoh besar Ahli Sunnah Waljamaah ini, yang dirumuskan demikian muktamad oleh sesetengah pihak seperti terungkap dalam catatan di atas, sebenarnya masih terus dipersoalkan oleh pihak-pihak tertentu yang lain tentang ketidakwajaran mereka dimasukkan ke dalam golongan Ahli Sunnah Waljamaah. Malah, akhir-akhir ini di serata dunia Islam gelombang penentangan terhadap rumusan seperti yang dibuat oleh al-Zubaydi dan Tash Kubra Zadah di atas kelihatannya semakin hebat dan meluas sekali kerana dibantu oleh kecanggihan teknologi bidang elektronik dan media cetak.

Dengan itu wajar sekali mauduk ini ditulis untuk menilai secara ilmiah kedudukan kedua-dua tokoh besar dalam tamadun Islam ini bagi menentukan di mana duduknya mereka dalam keseluruhan kerangka mazhab Ahli Sunnah Waljamaah atau mereka langsung terkeluar dari golongan arus perdana yang utama ini.

Oleh itu, untuk memberikan penilaian ilmiah kepada mauduk tulisan ini, maka ia akan cuba diselesaikan dengan membincangkannya dalam beberapa subtajuk seperti berikut:

1. Siapa sebenarnya Ahli Sunnah Waljamaah
2. Gugatan terhadap pemikiran al-Ash'ari dan al-Maturidi
3. Manhaj pemikiran al-Ash'ari dan al-Maturidi

SIAPA SEBENARNYA AHLI SUNNAH WALJAMA'AH

Secara keseluruhan istilah Ahli Sunnah Waljamaah diungkap dan dirujuk dalam dua keadaan, iaitu secara umum dan secara khusus. Dalam rujukan umum istilah ini merujuk kepada golongan yang bukan golongan Syiah. Maka pada aras umum inilah kerap diungkapkan bahawa golongan Sunni adalah golongan yang berbeza dan bertentangan dengan golongan Syii, malah kalangan Muslim dalam dunia Islam masa kini umumnya terbahagi atau terbelah ke dalam dua aliran berbeza, Sunni dan Syii ini. Bagaimanapun, dalam pengertian umum ini, istilah Ahli Sunnah Waljamaah masih perlu menerima masuk – tidak boleh mengeluarkan – merangkumkan sekali golongan Muktazilah (Musa 1975: 15).

Dalam rujukan khusus, istilah ini perlu memperincikan dua perkataan utama yang bergabung dalam istilah tersebut, iaitu *al-sunnah* dan *al-jama'ah*. Perkataan *al-sunnah* mempunyai dua pengertian: Pertamanya membawa makna jalan (*al-tariqah*), iaitu bermaksud bahawa golongan Ahli Sunnah mengikut jalan ataupun cara para Sahabat dan Tabiin dalam menerima baik ayat-ayat *mutashabihat* yang terdapat dalam al-Qur'an dan menyerahkan pengertian ayat-ayat tersebut kepada Ilmu Allah. Pengertian keduanya pula merujuk kepada Hadis (*al-Hadith*), iaitu membawa maksud bahawa golongan Ahli Sunnah beriman dan meyakini Hadis Sahih tanpa terlibat jauh membuat takwil terhadap hadis sepertimana yang dilakukan oleh golongan Muktazilah (Musa 1975: 15). Di samping itu, istilah *al-sunnah* juga merujuk kepada jalan yang diikuti oleh Nabi s.a.w. dan para Sahabat Baginda, merangkumi aspek-aspek ilmu, amal, akhlak, suluk, adab sehinggalah terangkum segala sesuatu yang melibatkan aspek-aspek kehidupan yang berbagai yang kesemuanya bersih dari segala unsur *shubahat* dan *shahawat* (al-Misri 1992: 44).

Adapun perkataan *al-Jama'ah* dari segi bahasa pula bermaksud kesatuan, iaitu lawan kepada puak atau berpuak. Dari segi istilah ia merujuk kepada kumpulan para Sahabat, atau ahli ilmu, atau ahli ijimak atau *al-sawad al-a'zam* yang mengikut segala apa yang disepakati dan diikuti oleh golongan Ahli Sunnah yang melibatkan peninggalan segala bentuk bidaah dan pematuhan terhadap segala suruhan Rasulullah s.a.w. (al-Misri 1992: 45, 48).

Dengan itu dapat dirumuskan bahawa istilah Ahli Sunnah Waljamaah dalam rujukan atau penggunaan khusus adalah merujuk kepada golongan Salaf dari kalangan para Sahabat dan para Tabiin yang sepakat

seia sekata menerima kebenaran yang jelas nyata terdapat dalam Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya serta setiap kalangan yang datang selepas para Sahabat dan Tabiin yang mengikut jalan dan jejak langkah mereka sama ada dalam bentuk perseorangan ataupun perkumpulan (al-Misri 1992: 45). Dan istilah Ahli Sunnah Waljamaah dalam pengertian khusus inilah yang akan diguna pakai dalam tulisan ini.

Di sini tiba masanya untuk bertanya siapakah dan golongan manakah yang tergolong ke dalam golongan Ahli Sunnah Waljamaah? Sesungguhnya dalam perjalanan sejarah ummah dan tamadun Islam, cukup banyak sekali puak atau *firqah* yang muncul dari masa ke semasa. Masing-masing puak mahu mengatakan bahawa mereka tergolong dalam kalangan Ahli Sunnah Waljamaah kerana golongan ini dikenal pasti sebagai golongan atau *al-firqah al-najiyah* atau *millah* yang terselamat daripada neraka sepertimana terungkap dalam Hadis Rasulullah s.a.w. [Maksudnya]: “Umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga puak, di mana kesemuanya akan ke neraka, kecuali satu [golongan] sahaja. Lalu para sahabat r.a. bertanya: Kalangan manakah mereka itu wahai Rasulullah? Rasulullah s.a.w. bersabda: “[Golongan] bersama aku dan para Sahabatku [dalam segenap segi kehidupan]” (al-Tirmidhi 1988: ii: 334).

Berdasarkan pelbagai literatur dalam bidang *Usul al-Din* kita dimaklumkan secara ringkas dan detil berhubung dengan golongan yang termasuk di bawah naungan Ahli Sunnah Waljamaah. Setelah membuat pencerakinan terhadap pelbagai sumber, Profesor Ahmad Mahmud Subhi (1985: 32) merumuskan bahawa golongan Ahli Sunnah Waljamaah adalah terdiri daripada:

1. Mazhab Salaf dari kalangan Ahli Sunnah merangkumi sejak al-Imam Ahmad b. Hanbal sehinggalah samapi ke kemuncak solidaritinya bersama Ibn Taimiyah.
2. Mazhab Khalaf dari kalangan Ahli Sunnah yang merangkumi golongan al-Sifatiyyah, al-Ash'ariyyah serta sejumlah mazhab lain, di mana yang paling utamanya ialah al-Maturidayyah.

Seterusnya Muhammad b. Ahmad al-Safaraini dalam kitab beliau *Lawami' al-Anwar al-Ilahiyyah* menjelaskan bahawa Ahli Sunnah Waljamaah secara ringkasnya terdiri daripada tiga golongan berikut (Ba' Abd Allah 1994: 80-81):

1. al-Athariyyah, diketuai oleh Ahmad b Hanbal
2. al-Ash'ariyyah, diketuai oleh Abu al-Hassan al-Ash'ari
3. al-Maturidiyyah, diketuai oleh Abu Mansur al-Maturidi

Kemudian, al-Baghdadi dalam kitab tersohor beliau *al-farq bayn al-firaq* (t.th.: 313-318) mengelompokkan secara detil golongan yang termasuk dalam mazhab Ahli Sunnah Waljamaah yang terdiri daripada lapan golongan ummah, iaitu:

1. Golongan yang menguasai ilmu yang berkaitan dengan tauhid dan kenabian, hukum hakam berkaitan dengan *al-wa'd wa al-wa'id* pahala dan seksaan, syarat-syarat ijtihad, keketuaan dan kepimpinan. Dalam ilmu yang mereka kuasai, mereka mengikut jalan dan jejak langkah golongan *al-Sifatiyyah* dari kalangan Mutakallimin yang bersih tidak terpalit dengan unsur *al-tashbih* dan *al-ta'til*. Juga mereka bersih tidak terpalit dengan unsur bidah golongan *al-Rafidah*, *al-Khawarij*, *al-Jahmiyyah*, *al-Najjariyyah* serta golongan sesat yang mengikut hawa nafsu.
2. Golongan pemuka Fiqh daripada kedua-dua pihak *al-ra'yi* dan *al-Hadith*. Termasuk dalam kumpulan ini ialah para pengikut Malik, al-Shafi'i, al-Awza'i, al-Thawri, Abu Hanifah, Ibn Abi Layli, pengikut Abu Thawr, pengikut Ahmad b Hanbal, golongan *al-zahir* serta seluruh kalangan *Fuqaha'* yang berpegang teguh kepada *usul* golongan *al-Sifatiyyah* dalam hal berkaitan dengan persoalan akal, mereka pula tidak mencampuradukkan persoalan fiqh dengan apa pun juga unsur bidaah golongan sesat yang dikuasai oleh hawa nafsu.
3. Golongan yang menguasai ilmu berkaitan dengan cara-cara pengambilan Khabar dan Sunnah yang *al-ma'thurah* dari Nabi s.a.w. di mana mereka dapat membezakan di antara yang sahih dengan yang rosak. Mereka juga tahu dan faham sebab-sebab *al-Jarh wa al-ta'dil*. Ilmu mereka tidak dicampuradukkan dengan suatu apa pun unsur bidah golongan sesat yang dikuasai oleh hawa nafsu.
4. Golongan yang menguasai ilmu berkaitan dengan sastera, nahu dan saraf dari kalangan pemuka bahasa seperti al-Khalil, Abu 'Amru b al-'Ala', Sibawaiyh, al-Farra', al-Akhfas, al-Asma'i, al-Mazani, Abu 'Ubayd serta seluruh kalangan pemuka ilmu nahu dari kalangan al-Kufiyyin dan al-Basriyyin yang tidak mencampuradukkan ilmu mereka dengan sesuatu unsur bid'ah kalangan *al-Qadariyyah*, *al-Rafidah* atau *al-Khawarij*. Golongan dari kalangan mereka yang cenderung kepada unsur sesat yang dikuasai hawa nafsu adalah tidak termasuk dalam mazhab Ahli Sunnah.

5. Golongan yang menguasai ilmu berkaitan dengan sudut-sudut Qira'at al-Qur'an serta sudut-sudut tafsir ayat-ayat al-Qur'an dan takwilan mereka selaras dengan pegangan mazhab Ahli Sunnah, bukannya takwilan-takwilan golongan sesat yang dikuasai oleh hawa nafsu.
6. Golongan ahli zuhud dari kalangan ahli sufi yang beroleh *ma'rifah*, lalu tidak dihebah secara meluas, yang diberi dugaan hidup, lalu diambil iktibar daripada dugaan tersebut. Mereka rida dengan takdir dan mereka berpuas hati (*qana'ah*) dengan keberuntungan yang diperolehi. Mereka faham bahawa pendengaran, penglihatan dan hati semuanya akan bertanggungjawab tentang baik buruknya dan semuanya akan diperkirakan hingga ke seberat zarah sekalipun. Dengan itu mereka menyiapkan diri dengan sebaik-baik persiapan untuk kehidupan hari akhirat. Percakapan mereka dalam dua bentuk: ungkapan biasa dan ungkapan *ishari* yang berlangsung mengikut jejak Ahli Hadith, tanpa memperdagangkan kata-kata bersenda. Mereka tidak melakukan kebaikan untuk tujuan *riya'* dan tidak pula meninggalkan perbuatan baik kerana malu. Agama pegangan mereka berasaskan tauhid dan menafikan *al-tashbih*. Mazhab ikutan mereka ialah berserah kepada Allah, bertawakal kepada-Nya, Menerima baik perintah-Nya, bersifat *qana'ah* dengan rezeki yang mereka perolehi dan tidak melakukan penentangan terhadap-Nya.
7. Golongan tentera yang berada di perbatasan negeri umat Islam berhadapan dengan negeri orang kafir, berjuang menentang musuh-musuh orang Islam dan mempertahankan mereka serta kawasan dan rumah-rumah mereka. Mereka menyebarkan luas mazhab Ahli Sunnah Waljamaah hingga ke perbatasan negara mereka.
8. Golongan rakyat awam yang berpegang teguh dengan kebenaran yang dibawa oleh kalangan ulama Ahli Sunnah Waljamaah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan keadilan dan tauhid, *al-wa'd wa al-wa'id*, serta mereka merujuk kepada kalangan ulama tersebut dalam hal yang berkaitan dengan agama mereka. Mereka juga mengikut para ulama tersebut dalam perkara-perkara cabang yang berkaitan dengan halal dan haram, dan mereka tidak sedikit pun mengikut unsur bid'ah yang dibawa oleh *Ahl al-Ahwa'* yang sesat.

Adalah jelas, berdasarkan definisi dan golongan-golongan yang bernaung di bawah mazhab Ahli Sunnah Waljamaah seperti yang dicatatkan di atas,

bahawa al-Ash'ari dan al-Ash'ariyyah serta juga al-Maturidi dan al-Maturidiyyah adalah diiktiraf kedudukannya, serta boleh digolongkan tanpa ragu-ragu, dalam mazhab Ahli Sunnah Waljamaah.

GUGATAN TERHADAP PEMIKIRAN AL-ASH'ARI DAN AL-MATURIDI

Berbicara perihal gugatan ini ada baiknya kita mulakan dengan mencatat pandangan yang dijelaskan oleh Ibn Hazm dalam kitab tersohor beliau *al-Fisli al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, (1975: ii: 113) di mana beliau mencatatkan:

Adapun Ahli Sunnan yang kita namakan mereka *Ahl al-Haq* dan kalangan yang selain daripada mereka adalah tergolong dalam kalangan *Ahl al-Bida'ah*. Maka sesungguhnya mereka ialah kalangan para Sahabat r.a. dan setiap orang yang mengikut manhaj mereka yang terdiri daripada kalangan terbaik golongan al-Tabi'in. Kemudian diikuti oleh golongan *ahl al-Hadith* serta kalangan yang mengikut jejak langkah mereka yang terdiri daripada golongan *fuqaha* dari satu generasi ke satu generasi sehinggalah ke zaman kita ini serta golongan orang awam yang mengikuti mereka di barat dan di timur.

Petikan di atas menjelaskan kepada kita bahawa Mutakallimin tidak termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Waljamaah. Jika mengikut ukuran Ibn Hazm golongan yang terkeluar dari mazhab Ahli Sunnah Waljamaah adalah tergolong daripada golongan Ahli Bidah. Dan menurut Imam Malik b Anas golongan Ahli Bidah tersebut adalah merujuk kepada ahli ilmu kalam ataupun *al-Mutakallimin*. Hal ini terungkap dalam pandangan beliau: "Awaslah kamu tentang bidah, beliau ditanya: Wahai Abu 'Abd Allah, bidah itu apa? Beliau berkata: *Ahl al-Bida'* itu ialah mereka yang berbicara tentang *asma' Allah*, sifat-sifat-Nya, kalam-Nya, ilmu-Nya dan kudrat-Nya. Mereka tidak berhenti bercakap tentang perkara yang tidak diperkatakan oleh golongan al-Sahabah dan al-Tabi'in" (Huwaidi 1972: 80).

Kemudian, sebagaimana tercatat dalam buku *Wasatiyyah Ahl al-Sunnah bayn al-Firaq* (1994: 77-80) tulisan Muhammad Ba Karim Muhammad Ba 'Abd Allah serangan dan gugatan terhadap pemikiran al-Ash'ari dan al-Asha'irah adalah cukup hebat sekali. Dicatatkan bahawa golongan al-Asha'irah adalah tidak termasuk ke dalam golongan Ahli Sunnah. Malah mereka adalah ahli ilmu kalam, kerana itu mereka tergolong dalam golongan Ahli Bidah. Seorang tokoh yang bernama al-Imam Abu Nasr al-

Sajzi (m.444H) mengatakan bahawa kemudaran al-Asha'irah adalah lebih besar daripada kemudaran Muktazilah: "Kemudian Ahli Sunnah dirosakkan selepas mereka itu, iaitu Muktazilah, oleh satu golongan yang mendakwa bahawa mereka adalah daripada golongan yang mengikuti Rasulullah s.a.w., sedangkan kemudaran mereka adalah lebih besar daripada kemudaran yang dibawa oleh Muktazilah dan golongan lain, mereka ialah Abu Muhammad b Kullab, Abu al-'Abbas al-Qalansi dan Abu al-Hasan al-Ash'ari" (Ba 'Abd Allah 1994: 78).

Seorang lagi yang cukup keras serangannya terhadap al-Ash'ari ialah Muhammad b Ahmad b Khuwaiz Mandad al-Misri al-Maliki (Ba 'Abd Allah 1994: 77-80). Sewaktu beliau mengulas pandangan Malik yang mengatakan tidak harus mengambil *shahadah* dari golongan *Ahl al-Bida'* dan *Ahl al-Ahwa'*, beliau berkata: "*Ahl al-Ahwa'* dalam pandangan Malik serta seluruh *ashabuna* ialah mereka yang tergolong dari kalangan ahli ilmu kalam. Oleh itu setiap orang *mutakallimin* adalah tergolong dalam golongan *Ahl al-Ahwa' wa al-Bida'* sama ada dia seorang dari golongan al-Ash'ariah ataupun tidak, *shahadah* orang tersebut tidak diterima oleh Islam buat selama-lamanya..."

Adapun gugatan yang dihalu kepada al-Maturidi secara khusus boleh kita temui dalam sebuah tesis peringkat ijazah sarjana yang ditulis di salah sebuah universiti di Arab Saudi. Tesis yang telah dicetak dalam tiga jilid tebal tersebut berjudul *al-Maturidiyyah wa Mawqifuhum min al-Asma' wa al-Sifat al-Ilahiyyah* hasil tulisan Sham al-Salafi al-Afghani. Sewaktu mengungkapkan sebab pemilihan tajuk tesis beliau al-Afghani menjelaskan bahawa beliau menulis tesis itu ialah kerana keinginannya untuk memberi ingatan kepada umat Islam seluruhnya kesesatan dan bahaya yang dibawa oleh akidah aliran *al-Maturidiyyah* yang menurut beliau merupakan akidah *kalamiyyah* semata-mata yang tidak ada hubungan langsung dengan mana-mana pun juga imam atau pemuka kalangan umat Islam dan aliran ini sudah merebak luas di seluruh dunia Islam (1998: 172-174). Malahan al-Afghani mengkategorikan *al-Maturidiyyah* sebagai tergolong dalam golongan aliran Hanafi yang terseleweng yang disamakan dengan *al-Jahmiyyah*, Muktazilah, *al-Murji'ah*, Syiah, *al-Karamiyyah al-Mushabbihah* dan lain-lain golongan yang menyeleweng (1998: 172-176).

Demikianlah gugatan yang kini terpaksa didepani oleh aliran *al-Ash'ariyyah* dan *al-Maturidiyyah*. Gugatan kelihatan tertumpu kepada pendekatan pemikiran akidah kedua-dua aliran berkenaan yang ternyata menggunakan ilmu kalam yang melibatkan

campur tangan akal. Walaupun gugatan ini sudah bermula sejak lama dahulu, namun fenomena masa kini adalah cukup membahayakan kedudukan kedua-dua aliran tersebut dalam keseluruhan kerangka besar mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. Gugatan masa kini ini boleh meruntuhkan aliran tersebut seandainya tidak dipertahankan dengan penuh ilmiah dan bijaksana. Ini kerana kecepatan peralatan teknologi yang boleh menerobos masuk ke serata pelosok dunia serta kecanggihan peralatan media cetak, ditambah pula dengan kejahatan ummah yang cukup merata.

MANHAJ PEMIKIRAN AKIDAH AL-ASH'ARI DAN AL-MATURIDI

Adalah perlu dicatatkan di sini bahawa kurun ke-4 Hijrah telah menyaksikan satu perubahan bermakna dalam bidang Ilmu Kalam dengan kemenangan golongan Ahli Sunnah Waljamaah ke atas aliran-aliran Ilmu Kalam yang lain, terutamanya Muktazilah. Hal ini berlaku di pelbagai bahagian yang berbeza dunia Islam. Di Iraq al-Ash'ari mengumumkan pengnyahan beliau daripada doktrin Muktazilah dan kembali ke pangkuan Ahli Sunnah Waljamaah; di Mesir pula al-Tahawi menerbitkan kitab beliau *Bayan al-Sunnah wa al-Jama'ah*; sedang di Samarqand (Transoxiana) al-Maturidi menyerang Muktazilah yang diwakili oleh tokoh al-Ka'bi, iaitu pemuka Muktazilah di zaman beliau, dan membawa kemenangan kepada golongan Ahli Sunnah Waljamaah. Kejayaan ini adalah disebabkan golongan ini memberikan hak sewajarnya kepada aspek *naql* dan *'aql*, iaitu dengan mengambil jalan tengah di antara berbagai-bagai doktrin aliran-aliran yang bertentangan. Oleh itu ia menjadi akidah pegangan kalangan massa Muslim di semua bahagian dunia Islam (Khalif 1982: xiii).

Catatan di atas menunjukkan bahawa pendekatan pemberian hak yang wajar kepada wahyu dan akal dalam hal yang berkaitan dengan akidah merupakan pendekatan yang digemari oleh kalangan massa Muslim. Dan sesungguhnya itulah juga secara umumnya pendekatan atau manhaj yang diguna pakai oleh al-Ash'ari dan al-Maturidi dalam membicarakan persoalan akidah Islam. Hal ini dalam konteks al-Ash'ari dapat dilihat dengan jelas dalam petikan di bawah (Musa 1975: 195).

Sesungguhnya memastikan penggunaan literal nas dan mengharamkan penggunaan akal dalam memperkukuhkan perihal yang berkaitan dengan hakikat sesuatu perkara adalah satu kesalahan dan tidak dilakukan kecuali oleh orang yang malas atau

jahil. Di samping itu, bergantung penuh kepada akal tanpa mengambil kira kehendak syarak, khususnya dalam pemikiran-pemikiran yang berkaitan dengan akidah adalah juga satu perkara yang salah, malah dikira sesuatu yang lebih bahaya. Oleh itu, adalah baik untuk kebenaran...bahawa digunakan dalam perkara ini manhaj pertengahan yang memadukan di antara akal dan nas.

al-Ash'ari ternyata mengambil jalan tengah di antara akal dan wahyu, sambil beliau menempelak golongan al-Hashawiyah dan al-Hanabilah di satu pihak dan golongan Muktazilah di pihak yang lain. Tempelakan al-Ash'ari terhadap golongan al-Hashawiyah dan al-Hanabilah dalam hal ini diulas lanjut lagi dalam tulisan beliau *Istihsan al-Khaud fi 'ilm al-Kalam*, di mana beliau menjelaskan: "Sesungguhnya segolongan manusia menjadikan kejahatan sebagai modal perniagaan mereka. Mereka berasa berat untuk berfikir dan mengkaji tentang agama, malah lebih cenderung untuk mengambil ringan dan bertaklid. Mereka memandang serong kepada orang yang mengkaji tentang Usul al-Din dan menuduh mereka sebagai sesat. Mereka beranggapan bahawa perbincangan perihal berkaitan dengan gerak, diam, jisim, "arad, pelbagai warna, pelbagai kawn, jujuk, tafrah serta sifat-sifat Allah adalah perkara bidah dan sesat" (al-Ash'ari 1953: 87-88).

Adalah perlu dicatatkan bahawa dalam pengambilan jalan tengah di antara nas dengan akal, dalam praktis al-Ash'ari jelas bahawa beliau mendahulukan nas daripada akal. Dalam pandangan beliau akal wajib menurut nas dan tidak boleh lari daripada nas, sekalipun kedua-duanya ada ruang masing-masing (Musa 1975: 197).

Adapun berkaitan dengan al-Maturidi pula kalangan para pengkaji pemikiran beliau membuat kesimpulan bahawa salah satu keistimewaan manhaj pemikiran beliau adalah terletak pada penggunaan pendekatan pertengahan di antara akal dan *naql*. al-Maturidi berpendapat bahawa adalah salah untuk berhenti pada batas *naql* sahaja tanpa berfikir lebih lanjut, begitu juga sama salahnya apabila keterlaluannya menggunakan akal. Beliau melihat bahawa sikap yang adil dalam hal ini ialah berada pada titik pertengahan di antara keduanya. Menurut beliau, hal ini sesuai dengan firman Allah (al-Baqarah 2: 143) [maksudnya]: "Dan demikianlah Kami jadikan kamu umat yang pertengahan [*wasat*]." *Al-wasat* merupakan tunjang agama dan ia adalah sebaik-baik gambaran tentang roh agama Islam yang pengajarannya menggesa supaya mengambil sikap pertengahan dalam setiap perkara (al-Maghribi 1985: 31).

Oleh itu, kedua-dua tokoh ternyata mempunyai persamaan manhaj dan pendekatan dalam membicarakan persoalan akidah. Penglibatan penggunaan akal dalam persoalan akidah menjadi ciri utama kepada ilmu kalam telah menyebabkan kedua-dua mereka dan aliran mereka diserang hebat oleh golongan yang menggelarkan diri mereka sebagai Ahli al-Salaf.

Persoalannya di sini apakah wajar penggunaan akal dalam keadaan yang sesuai untuk membantu memperjelaskan wahyu dalam usaha untuk memperkukuhkan akidah boleh membawa kepada perbuatan bidah yang merosakkan agama? Apakah golongan orang yang mempunyai niat murni untuk mempertahankan akidah keagamaan dengan menggunakan akal kurniaan Allah bagi membantu wahyu boleh digolongkan ke dalam golongan *Ahl al-Ahwa*? Persoalan ini amat perlu dinilai secara waras dan saksama supaya kita boleh berlaku adil kepada semua pihak.

Seandainya didalami secara teliti keseluruhan isi kandungan al-Qur'an itu sendiri akan jelas terserlah gesaan ke arah penggunaan akal untuk berfikir dan membuat renungan mendalam terhadap pelbagai bentuk ciptaan Allah yang akhirnya akan memperkukuhkan pegangan akidah. Justeru itu adalah kerap diungkapkan oleh kalangan para ulama bahawa agama Islam itu sendiri sebenarnya adalah satu agama berbentuk keakalan dan mementingkan penggunaan akal (Huwaidi 1972: 80), di mana hal ini ditandai oleh banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menggesa penggunaan akal:

1. Al-Qur'an menggesa manusai supaya berfikir dan membuat renungan mendalam menerusi – antaranya – ayat-ayat berikut:
 - a. [Maksudnya] "Patutkah mereka [membutakan mata] tidak mahu memerhatikan alam langit dan bumi dan segala apa yang diciptakan oleh Allah..." (al-A'raf 7: 185).
 - b. [Maksudnya] "[Kalaulah kiranya ia tidak memikirkan asal dan kesudahan dirinya,] maka hendaklah manusia melihat kepada makanannya [bagaimana Kami mentadbirkannya] Sesungguhnya Kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang menakjubkan, kemudian Kami belah-belahkan bumi dengan belahan yang sesuai dengan tumbuh-tumbuhan, lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian dan buah anggur serta sayur-sayuran, dan zaitun serta pohon-pohon kurma, dan taman-taman yang menghijau subur, dan berbagai-bagai buah-

- buahan serta bermacam-macam rumput, untuk kegunaan kamu dan binatang ternakan kamu” (‘Abasa 80; 24-32)
- c. [Maksudnya] “Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan [pada] pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda [kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah] bagi orang-orang yang berakal” (Ali ‘Imran 3: 190)
2. Di samping itu al-Qur’an menggesa penggunaan akal yang bernas dan berhujah secara tertib dan bijaksana dalam proses berdakwah dan mengajak orang menggemari dan mendekati Islam. Hal ini terungkap dalam ayat dakwah yang terkenal tersebut [maksudnya]: “Serulah ke jalan Tuhanmu [wahai Muhammad] dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka [yang engkau seru itu] dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk” (al-Nahl 16: 125).
3. Demikianlah pula al-Qur’an memberikan penghormatan yang cukup tinggi kepada kalangan orang yang menggunakan akal dengan bijaksana dan baik, sehingga dengan itu menjadikan mereka orang yang berilmu dan pakar dalam bidang ilmu tertentu. Hal ini terungkap, antara lain, dalam firman-firman Allah berikut:
- a. [Maksudnya]: “... katakanlah lagi [kepadanya], adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pengajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna” (al-Zumar 39: 9).
- b. [Maksudnya]: “Allah memberikan hikmah kebijaksanaan [ilmu yang berguna] kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya [menurut aturan-aturan-Nya]. Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu, maka sesungguhnya dia telah diberi kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran [dan peringatan] melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya” (al-Baqarah 2: 69).

Seterusnya, amat penting dicatatkan bahawa kalangan para sahabat Nabi s.a.w., dan para Salaf al-Salih juga menggunakan kemampuan akal secara

bijaksana dalam usaha mereka mempertahankan akidah dari landaan dan serangan pemikiran dan fahaman menyeleweng yang kelihatan mula muncul di peringkat akhir zaman para sahabat. Maka itu catatan sejarah memaklumkan kepada kita bahawa golongan Ahli Sunnah Waljamaah berpendapat dan berpegang kepada keyakinan bahawa ‘Ali bin Abi Talib merupakan Mutakallim pertama kepada golongan Ahli Sunnah Waljamaah. Ini ialah kerana ‘Ali telah berbahas dan berdebat dengan golongan al-Khawarij dalam perkara yang berkaitan dengan persoalan *al-wa’d wa al-wa’id* dan berdebat serta berhujah dengan golongan Qadariyyan berkaitan dengan persoalan *al-mashi’ah* dan *al-istita’ah*. Setelah ‘Ali diikuti pula oleh ‘Abd Allah b. ‘Umar yang didapati berhujah secara keakalan bagi membersihkan diri beliau daripada terpalit dengan konsep penafian *al-qadar* yang menjadi pegangan Ma’bad al-Juhani (Musa 1975: 20).

Dari kalangan golongan Salaf al-Salih, adalah diiktiraf di kalangan Ahli Sunnah Waljamaah bahawa di antara Mutakallimin awal adalah Abu Hanifah al-Nu’man yang kemudiannya diikuti oleh al-Shafi’i. Ini ialah kerana kedua-dua tokoh besar bidang fiqh ini terdapat kitab tulisan mereka yang ditulis untuk menolak pegangan golongan al-Qadariyyah (Musa 1975: 20).

Juga amat perlu difahami bahawa istilah ilmu Kalam itu sendiri – sebagaimana yang dilihat dan dirumus oleh Ibn Khaldun – sebenarnya merupakan satu istilah yang merujuk kepada sejenis ilmu yang diguna pakai untuk mempertahankan pegangan akidah keimanan dengan menggunakan dalil dan hujah yang bersifat *kalamiyyah* (Musa 1975: 18).

Oleh itu adalah amat jelas bahawa penggunaan akal itu sendiri, untuk memperkukuhkan hujah wahyu, dalam hal-hal yang berkaitan dengan akidah mempunyai asas dan sandaran yang cukup kukuh dalam tradisi keagamaan Islam. Ia bukan suatu perkara yang asing dan jauh sekali dari boleh dikategorikan sebagai tercela dan sesuatu yang bersifat bidah dalam Islam. Malahan Ilmu Kalam itu sendiripun – khususnya dalam bentuk dan seperti manhaj yang diguna pakai oleh al-Ash’ari dan al-Maturidi – perlu difahami dan diletakkan dalam perspektif yang betul bagi membolehkan ia memainkan peranan dalam memperkukuhkan pegangan akidah ummah.

Dengan itu kita boleh menyimpulkan bahawa bentuk Ilmu Kalam seperti yang dipromosikan oleh al-Ash’ari dan al-Maturidi adalah satu khazanah keilmuan dan pemikiran Islam yang cukup bernilai tinggi dan wajib dipertahankan dengan apa cara

sekali-pun; jangan sekali-kali dibiarkan ia diganggu gugat oleh ansir-anasir nakal yang tidak sihat. Malahan ia perlu dicanai dan diselidik sebaik dan sedalam mungkin untuk membolehkan ia menjadi sesuai bagi kegunaan semasa dalam menghadapi kemelut pegangan akidah yang melanda hebat ummah dalam zaman pasca moden kini.

PENUTUP

Catatan, perbincangan dan analisis yang dibuat sepanjang tulisan ini memperlihatkan bahawa pemikiran al-Ash'ari dan al-Maturidi berada dalam kedudukan kukuh, sah dan terhormat dalam aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Sekalipun ada gugatan-gugatan tertentu yang cuba mencabar, dan malahan cuba menafikan, kedudukan kedua-dua tokoh besar ini dalam mazhab Ahli Sunnah Waljamaah, namun kelihatannya – sebagaimana yang dianalisiskan dalam tulisan ini – adalah tidak signifikan dan tidak relevan sama sekali, kerana ia sebenarnya tidak mempunyai asas ilmiah yang kukuh yang boleh dipertahankan.

Bagaimanapun, pada hemat kita, cubaan gugatan terhadap dua tokoh besar Ahli Sunnah Wajamaah yang kelihatannya sedang berkembang kebelakangan ini tidak boleh dibiarkan tanpa sebarang respons dari pihak-pihak yang bertanggungjawab. Sekalipun gugatan itu tidak mempunyai asas ilmiah yang kukuh, namun kalau ia dibiarkan dan tidak ditangani dengan baik dan bijaksana, ia akan tetap membawa bahaya, khususnya dalam keadaan ummah masa kini yang rata-ratanya jahil dalam selok-belok ilmu yang berkaitan dengan akidah, di samping pelbagai peralatan teknologi canggih masa kini yang boleh mempercepatkan sebaran maklumat ke serata pelosok dunia yang sudah tiada bersempadan lagi ini.

Oleh itu, keperluan penghebahan dalam bentuk tulisan ilmiah, tentunya merupakan satu pendekatan yang cukup baik dan bijaksana dalam usaha untuk membendung, walaupun tidak membanteras sepenuhnya, gugatan-gugatan nakal, yang kadang-kadang kelihatan sebagai keras, seperti yang kita bicarakan dalam tulisan ini.

RUJUKAN

Abu Zuhrah, Muhammad. t.th. *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah: fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id*. Jil. 1. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

- al-Afghani, Shams al-Salafi. 1997. *al-Maturidiyyah wa mawqifuhum min al-Asma' wa al-Sifat al-Ilahiyyah*. 3 jil. [Saudi Arabia]: t.pt.
- al-Ash'ari, Abu al-Hasan 'Ali b. Isma'il. 1953. "Risalah fi Istihsan al-Khawd fi 'ilm al-Kalam". Dlm. Richard J. McCarthy S. J. *The Theology of al-Ash'ari*. Beyrouth: Imprimerie Catholique.
- Ba 'Abd Allah, Muhammad ba Karim Muhammad. 1994. *Wasatiyyah Ahl al-Sunnah bayn al-Firqah*. al-Riyad: Dar al-Rayah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir. t. th. *al-Farq bayn al-Firqah*. Ed. Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. al-Qahirah: Maktabah Muhammad 'Ali Sabih wa Awladuh.
- Huwaidi, Yahya. 1972. *Dirasat fi 'Ilm al-Kalam wa al-Falsafah al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad 'Ali b. Ahmad. 1975. *al-Fisli fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nahl*. Cet. Ke-2. Jil. 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Idlabbi, Salah al-Din b. Muhammad. 2008. *'Aqa'id al-Asha'irah fi Hiwar Hadi' ma'a Shubhat al-Munawi'in*. al-Qahirah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Turjumah.
- Madkur, Ibrahim. 1976. *Fi al-Falsafah al-Islamiyyah: Manhaj wa Tatbiqih*. Jil 1. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- al-Maghribi, 'Ali 'Abd al-Fattah. 1985. *Imam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Abu Mansur al-Maturidi wa Ara'uh al-Kalamiyyah*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Maturidi, Abu Mansur Muhammad b. Muhammad b. Mahmud al-Samarqandi. 1970. *Kitab al-Tawhid*. Ed. Fath Allah Khalif. Beirut: Dar al-Mashriq.
- al-Misri, Muhammad 'Abd al-Hadi. 1992. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Ma'alim al-Intilaqih al-Kubra*. al-Qahirah: Dar al-'Ilam al-Duwali.
- Musa, Jalal Muhammad. 1975. *Nash'at al-Ash'ariyyah wa Tatawuruha*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Subhi, Ahmad Mahmud. 1985. *Fi 'Ilm al-Kalam: Dirasah Falsafiyah li Ara' al-Firqah al-Islamiyyah fi Usul al-Din*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- al-Tirmidhi. 1988. *Sahih Sunan al-Tirmidhi*. Ed. Muhammad Nasr al-Din al-Albani. Jil. 2. al-Duwal al-Khalij: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabi li Duwal al-Khalij.
- Zadah, Tash Kubra. 1329H. *Miftah al-Sa'adah wa Misbah al-Siyadah*. Haydrabad: t. pt.
- al-Zubaidi, Muhammad b. Muhammad al-Husayni. t. th. *Ittihaf al-Sadah al-Muttaqin bi Sharh Asrar Ihya' 'Ulum al-Din*. al-Qahirah: t. pt.

Prof. Zakaria Stapa
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
e-mail: karia@ukm.my